

# Atlet kebangsaan cemerlang

Oleh Anuar Idris

bhvarts@bharian.com.my

**A**TLET kebangsaan menguasai sepenuhnya kejohanan Olahraga Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) di Stadium Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di Skudai, baru-baru ini.

Atlet lontar peluru dan melempar cakera kebangsaan, Adi Alifuddin Husin,

antara peserta yang mencuri tumpuan apabila menguasai kedua-dua acara dengan catatan rekod baru kejohanan.

Dalam acara lontar peluru, atlet kebangsaan itu mencatat balingan 16.43 meter jauh meninggalkan rekod lama 10.84 meter. Beliau yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM), turut melakar rekod baru dalam acara melempar cakera dengan catatan 38.50 meter berbanding rekod

lama 34.70 meter.

Atlet pecut kebangsaan, Mohd Zabidi Ghazali, yang mewakili Universiti Malaya (UM), unggul dalam acara 100 meter dengan catatan rekod baru 10.70 saat berbanding rekod lama 10.94 saat, namun kecewa dalam acara 200 meter apabila ditewaskan Zabidi Ahmad yang mewakili UPM dengan catatan rekod baru kejohanan 21.80 saat berbanding rekod lama 22.50 saat.

Atlet UPM, Siti Nurul Ain juga cemerlang dengan dua rekod baru kejohanan dengan mencatat 28.86 meter dalam acara melempar cakera mengatasi rekod lama 25.77 meter, manakala dalam cara lontar peluru beliau memadam rekod lama 9.34 meter dengan catatan baru 12.25 meter.

Kejohanan kali ini juga menyaksikan lapan lagi rekod dicipta dalam acara 1,500 meter lelaki, 110 meter berpagar lelaki, 400 meter berpagar lelaki, 10,000 meter jalan kaki lelaki, lompat jauh lelaki, lompat bergalah lelaki, 400 meter wanita, dan 100 meter berpagar wanita,

Kira-kira 400 atlet daripada 16 universiti tempatan mengambil bahagian dalam kejohanan kali ini. UPM menepati jangkaan apabila muncul juara keseluruhan dengan pungutan 17 emas, 7 perak dan 3 gangsa diikuti Universiti Teknologi MARA yang meraih enam emas, empat perak dan enam gangsa; ketiga UM yang memperoleh lima emas, enam perak dan enam gangsa sementara UTM selaku tuan rumah menduduki tempat ke-10 dengan tiga perak dan empat gangsa.



ACARA olahraga menyaksikan banyak rekod kejohanan dileburkan.